



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor- kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor(PKK) dalam Gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

NO. TENDER FAIL RUJUKAN TAJUK	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	BUTIR-BUTIR PENDAFTARAN & TAKLIMAT	TARIKH/ HARGA/ TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN DITUTUP
No. Tender (T) 01/2020:- Cadangan Reka Dan Bina Sebuah Bangunan 2 Tingkat Yang Mengandungi Pasar Dan Gerai Makanan Di Kampung Bali, Tanjung Tualang, 31750 Tronoh, Perak Darul Ridzuan	Bertaraf Bumiputera Gred G3 Kategori B & Ce Pengkhususan CE 01, CE 21, CE 20, CE 24, CE 36, CE 42	Sesi Taklimat Adalah Seperti Berikut : Tarikh : 5 Mac 2020 Masa : 9.00 Pagi Tempat : Kampung Bali, Tronoh <u>Tempat Pendaftaran</u> Jabatan Kejuruteraan, Aras 1, Pejabat MDBG. Kehadiran : WAJIB	Tarikh Dijual 5 Mac 2020 Hingga 19 Mac 2020 <u>Waktu Urusan</u> (Isnin - Khamis) 8.00Pg –12.30T.hari 2.00Ptg - 4.30Ptg (Jumaat) 8.00Pg –12.15 T.hari 3.00ptg - 4.30Ptg <u>Tempat</u> Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah, Perak. Harga Dokumen RM150.00	Tarikh Tutup 19 Mac 2020 Jam: 12.00 Tengahari Tempat Jabatan Perbendaharaan Majlis Daerah Batu Gajah, Perak.

1. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah dan berdaftar dengan Majlis Daerah Batu Gajah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor hendaklah membawa sijil **Asal Perakuan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Pendaftaran(CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan(SPKK)** dan **Perakuan Pendaftaran Kontraktor(PKK)**.

- Jenis Syarikat

Tempatan: T1 – Syarikat 100% Bumiputera

2. Lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor/wakil yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas. Kontraktor/wakil dikehendaki membawa surat wakil kuasa dan dikemukakan semasa pendaftaran.
3. Semua kontraktor-kontraktor hendaklah memastikan bahawa sijil **CIDB**, **SPKK** dan **PKK** hendaklah masih **berkuatkuasa** semasa menghadiri lawatan tapak dan juga semasa memasuki tender tersebut. Jika tempoh telah tamat pihak kontraktor **tidak dibenarkan** memasuki tender ini.
4. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **Resit Bayaran** pada setiap **Dokumen Tender** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam Peti Tender.:
5. Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjuru kiri dialamatkan kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah, Jalan Haji Abdul Wahab, 31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di Jabatan Perbendaharaan, Pejabat Majlis Daerah Batu Gajah.
6. Majlis Daerah Batu Gajah tidak terikat untuk menerima dokumen tender yang terendah atau sebarang dokumen tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam peti tender setelah peti tender dibuka.
7. Untuk maklumat lanjut sila layari Laman web rasmi MDBG di www.mdbg.gov.my


(**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP**)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah
Batu Gajah

Tarikh: 27 Februari 2020